

**[A NARRATIVE ANALYSIS ON THE MARINID KINGDOM (1215-1465)
OF THE MAGHREB ACCORDING TO THE REFLECTION OF
SELECTED PRIMARY AND SECONDARY SOURCES]**

**ANALISIS NARATIF KERAJAAN BANU MARIN (1215-1465M) DI AL-MAGHRIB
MENURUT CERMINAN SUMBER PRIMER DAN SEKUNDER TERPILIH**

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari

mozaha@ukm.edu.my

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Ezad Azraai Jamsari

ezad@ukm.edu.my; eajsti@gmail.com (Corresponding Author)
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Mohd Hafiz Safiai

hafizsafai@ukm.edu.my

Pusat Syariah, Fakulti Pengajian Islam &
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Abstract

This study aims to analyze the history of emergence and development of the Marinid Kingdom based on selected relevant primary and secondary sources. In addition, it also examines the scope of those sources in describing the history of the Marinid Kingdom. Analysis of the narrative in this research gives meaning to the portrayal and description of the lesson aspect of narration from the records of the selected sources. This study used qualitative methods which involve content analysis instruments and literature review. It is found that the primary sources, which are written in Arabic, placed more attention on the political developments of the Marinid Kingdom. Meanwhile, the secondary sources, either in Arabic or English, touched upon the history of the Marinid Kingdom in a broader scope in terms of its political, economic, and social contexts. This study is deemed as important and significant in its ability to unravel and analyze the historical data that are derived from relevant sources. It further establishes a literature review in a holistic manner. Further research can be done by selecting some primary (muktabar) sources as the research subject. Researcher may study the textual, contextual, intertextual, intratextual or even transtextual aspects to analyze the development of the Marinid Kingdom in depth. Furthermore, a comparative study between several sources would also be useful. Thus, the degree of accuracy and strength of the Muslim and Western scholars' opinion related to the history of the Marinid Kingdom can be assessed and reviewed analytically.

Keywords: *the Marinids, the Maghreb, al-Andalus, primary sources, secondary sources, annotated bibliography*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis sejarah kemunculan dan perkembangan Kerajaan Banu Marin berdasarkan beberapa sumber primer dan sekunder. Selain itu, ia turut melihat skop dan ruang perbincangan sumber-sumber tersebut dalam menghuraikan sejarah Kerajaan Banu Marin. Analisis naratif dalam kajian ini memberi erti pemerian dan pemerihalan aspek pengajaran penceritaan daripada catatan sumber-sumber terpilih berkenaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi instrumen analisis kandungan dan ulasan literatur. Hasil kajian mendapat perbincangan sejarah Kerajaan Banu Marin dalam sumber-sumber primer berbahasa Arab lebih

tertumpu pada perkembangan politik. Manakala, sumber-sumber sekunder, berbahasa Arab dan Inggeris, menghuraikan sejarah Kerajaan Banu Marin dalam skop lebih luas mencakupi aspek politik, ekonomi dan sosial. Kajian seperti ini adalah amat relevan dan signifikan kerana penulisan berbentuk kajian bibliografi beranotasi dapat merungkai dan mencerakinkan data-data sejarah Kerajaan Banu Marin daripada sumber-sumber berkenaan. Kajian sebegini turut membentuk satu ulasan atau kajian literatur secara holistik. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan memilih beberapa sumber muktabar sebagai subjek kajian, sama ada kajian dari aspek tekstual, kontekstual, intertekstual, intratekstual mahupun transtekstual. Kajian seumpama ini dapat dilakukan untuk menganalisis perkembangan Kerajaan Banu Marin secara tuntas, di samping melakukan kajian perbandingan antara beberapa sumber. Dengan demikian, kejituhan dan kekuatan pendapat sarjana, Islam dan Barat, ketika mengutarakan sejarah Kerajaan Banu Marin dapat dinilai dan dikaji secara analitikal.

Kata Kunci: *Banu Marin, al-Maghrib, al-Andalus, sumber primer, sumber sekunder, bibliografi beranotasi*

Article Received:
12 November 2020

Article Reviewed:
23 November 2020

Article Published:
30 November 2020

PENGENALAN

Kerajaan Banu Marin yang dikenali sebagai the Marinid dalam bahasa Inggeris merupakan antara kerajaan Islam yang muncul di al-Maghrib selepas kejatuhan al-Muwahhidun. Antara kerajaan Islam lain ketika itu ialah Kerajaan Banu Hafs yang berkuasa di al-Maghrib al-Adna dan Kerajaan Banu Zayyan atau dikenali sebagai Banu 'Abd al-Wad yang memerintah al-Maghrib al-Awsat. Manakala, Banu Marin pula berkuasa di kawasan al-Maghrib al-Aqsa, iaitu negara Maghribi moden pada hari ini. Kerajaan Banu Marin menempuh pelbagai cabaran ketika tempoh penubuhan dan pemantapan serta zaman kelemahan dan kemerosotan. Namun demikian, kerajaan yang bermula dari tahun 1215 hingga 1465M ini pernah menikmati saat kegemilangan ketika zaman pemerintahan Sultan Abu al-Hasan 'Ali (1331-1351M). Pencapaian dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, sosial dan kesenian dilihat sebagai ukuran pencapaian kejayaan Banu Marin.

Di samping itu, kekuasaan Banu Marin turut mempengaruhi kawasan al-Maghrib dan al-Andalus. Banu Marin pernah meletakkan kedua-dua buah kerajaan sezamannya di al-Maghrib, iaitu Banu Hafs dan Banu Zayyan, berada di bawah penguasaannya. Selain itu, Banu Marin turut terlibat dalam urusan politik al-Andalus apabila membantu Kerajaan Nasriyyah atau Banu al-Ahmar di Granada menghadapi ancaman tentera Kristian. Malah, Banu Marin pada suatu ketika pernah bertapak dan menguasai sebahagian kawasan selatan al-Andalus, iaitu di Algeciras (al-Jazirah al-Khadra'). Walau bagaimanapun, kekalahan dalam Battle of Rio Salado pada tahun 1340M, di tangan pihak Kristian telah memaksa tentera Banu Marin meninggalkan bumi al-Andalus. Kegemilangan kerajaan ini diteruskan dengan perkembangan dan pencapaian dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakatnya seperti pengurusan pentadbiran, perkembangan pendidikan dan kesusastraan, kerancakan aktiviti ekonomi dan pengekalan budaya masyarakat yang utuh. Namun demikian, kematian Sultan Abu 'Inan Faris (1348-1358M) dilihat sebagai titik permulaan kepada kemerosotan Banu Marin. Pelbagai masalah yang timbul, sama ada masalah dalaman mahupun luaran telah menjadi faktor kepada kelemahan Banu Marin. Kekacauan politik dan pentadbiran dianggap faktor penting kepada kejatuhan Banu Marin yang akhirnya menyebabkan kepimpinan di kawasan al-Maghrib al-Aqsa dipegang oleh golongan lain pada tahun 1465M. Walau bagaimanapun, sejarah telah mencatatkan bahawa Kerajaan Banu Marin sebagai sebuah kerajaan Islam di al-Maghrib yang turut menyumbang kepada perkembangan tamadun Islam (Mohamad Zulfazdlee & Ezad Azraai, 2010b).

Objektif makalah ini adalah untuk menganalisis sejarah Kerajaan Banu Marin berdasarkan beberapa sumber primer dan sekunder. Selain itu, makalah ini turut melihat skop dan ruang perbincangan sumber-sumber terpilih dalam menghuraikan sejarah Kerajaan Banu Marin. Makalah ini berbentuk anotasi terhadap beberapa bibliografi, iaitu ulasan atau rumusan terhadap perbincangan setiap sumber berkenaan. Makalah ini diklasifikasikan dalam bentuk *informative annotations* kerana kerangka perbincangan dalam makalah ini lebih bersifat ulasan terhadap sumber-sumber berkaitan Kerajaan Banu Marin dari aspek sejarah dan tamadun Islam.

KERAJAAN BANU MARIN SEPINTAS LALU

Banu Marin merupakan sebuah kerajaan Islam Barbar yang pernah wujud dan berkuasa di al-Maghrib. Kerajaan yang berasal daripada golongan Barbar Zanatah ini muncul dalam tempoh dua setengah abad, iaitu pada tahun 1215M selepas kejatuhan Kerajaan al-Muwahhidun sehingga tahun 1465M.

Penglibatan Banu Marin dalam politik dikenal pasti bermula pada tahun 1195M apabila turut membantu al-Muwahhidun dalam Perang Alarcos di al-Andalus (Shatzmiller, 1991, 6:571). Penglibatan Banu Marin lebih terserlah menjelang tahun 1213 hingga 1215M apabila mereka bertindak menentang kerajaan al-Muwahhidun. Banu Marin yang diketuai oleh 'Abd al-Haqq ibn Mahyu ketika itu sering memerangi Kerajaan al-Muwahhidun. Kesannya, Kerajaan al-Muwahhidun semakin lemah dan beberapa kawasan di al-Maghrib berjaya ditawan Banu Marin, antaranya seperti Meknes (1244M), Fas (1248M) dan Sijilmasa (1255M). Penentangan Banu Marin terhadap al-Muwahhidun akhirnya berjaya setelah Banu Marin menawan ibu kota Kerajaan al-Muwahhidun, Marrakesh, pada tahun 1269M (Shatzmiller, 1991, 6: 571). Penguasaan tersebut telah melenyapkan kekuasaan al-Muwahhidun dan menjadikan Banu Marin sebagai kuasa pemerintah yang baru di al-Maghrib.

Banu Marin mempunyai 26 orang sultan dan susur galur pemerintahnya berasal daripada satu keturunan. Kewibawaan dan kehebatan pemikiran pemerintah-pemerintahnya telah menjadikan Banu Marin sebagai sebuah kerajaan yang kuat di al-Maghrib walaupun terdapat saingen daripada Kerajaan Banu Zayyan yang berpusat di Tilimsan dan Banu Hafs di Tunis. Proses pemantapan dan pengukuhan terus berlaku sehingga Banu Marin mencapai era kegemilangannya ketika di bawah pemerintahan Sultan Abu al-Hasan 'Ali (1331-1351M) (Le Tourneau, 1970, 2A: 232; Julien, 1970: 188; Oliver, 1977: 357) Pemerintahannya menyaksikan kehebatan Banu Marin dalam pelbagai bidang, termasuk politik, ekonomi dan sosial. Ketika zamannya, Banu Marin berjaya menguasai sebahagian kawasan di al-Andalus apabila berjaya dibantu oleh Kerajaan Nasriyyah di bawah pimpinan Sultan Yusuf I ketika menghadapi ancaman serangan tentera Islam dari utara al-Andalus. Selain itu, Banu Marin turut melebarkan pengaruhnya ke atas Banu Zayyan dan Banu Hafs apabila menduduki Tilimsan pada tahun 1337M dan Tunis pada tahun 1347M (Shatzmiller 1991, 6: 572). Perkembangan ekonomi, sosial dan intelektual turut berlaku dengan pesat ketika era Sultan Abu al-Hasan 'Ali. Beliau turut dikenang sebagai tokoh yang menggalakkan aktiviti kesenian dan seni bina di al-Maghrib apabila banyak mendirikan masjid, madrasah dan *al-zawaya* (Harakat, 1984, 2: 130-140).

Pemerintahan Banu Marin mula merosot setelah kematian pemerintah Sultan Abu 'Inan Faris (1351-1358M). Walau bagaimanapun, Kerajaan Banu Marin mampu bertahan dalam tempoh lebih seratus tahun lagi sehingga kejatuhannya pada tahun 1465M. Pelbagai konflik dalaman dan luaran berlaku, antaranya seperti pertikaian dan perselisihan dalam pentadbiran, perebutan jawatan, ancaman luar terutama daripada kuasa Kristian Portugis dan Castille, telah menjadi faktor kemerosotan Banu Marin. Akhirnya, Kerajaan Banu Marin lenyap dari bumi al-Maghrib dan kekuasaannya digantikan dengan pemerintahan Banu Wattas, yang sebelum ini berkhidmat sebagai

wazir Kerajaan Banu Marin. Namun demikian, Kerajaan Banu Marin tetap dikenang antara kerajaan Islam terhebat yang pernah berkuasa di al-Maghrib. Sumbangannya yang hebat dalam perkembangan tamadun Islam turut menjadi maklumat penting dalam karya-karya sejarah dan tamadun Islam. Malah, wilayah al-Maghrib ini pernah melahirkan ramai ilmuwan Islam ketika era pemerintahan Banu Marin antaranya Ibn Battutah, Ibn Marzuq dan Ibn Khaldun.

ANALISIS NARATIF SUMBER PRIMER DAN SEKUNDER TERPILIH BERKENAAN KERAJAAN BANU MARIN

Sumber kajian berkaitan Banu Marin banyak terdapat dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris, manakala sumber dalam bahasa Melayu tiada yang membincangkan tentang Banu Marin melainkan perbahasan dan pencerakinan yang dilakukan oleh Mahayudin (1987), Hamka (1994), Ezad Azraai (2004, 2006), Ezad Azraai et al. (2009, 2011), Ezad Azraai dan Mohamad Zulfazdlee (2010) serta Mohamad Zulfazdlee dan Ezad Azraai (2008, 2009a, 2009b, 2009c, 2010a, 2010b). Sumber yang diperoleh dari perpustakaan di Malaysia, sama ada Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) boleh dibahagikan kepada dua, iaitu sumber primer dan sekunder.

Sumber Primer Terpilih

Sumber-sumber primer berkaitan kajian Banu Marin keseluruhannya dalam bahasa Arab. Antara sumber primer tersebut ialah sebagaimana pencerakinan ini:

Ibn al-Ahmar, Isma'il ibn al-Ahmar (1991), Rawdat al-Nisrin fi Dawlat Bani Marin

Karya ini merupakan antara kitab rujukan berbentuk *masdar* (sumber primer) yang membincangkan tentang sejarah perkembangan dan pentadbiran Kerajaan Banu Marin. Kitab ini ditulis oleh Isma'il ibn al-Ahmar dan ditakhkik oleh sejarawan 'Abd al-Wahhab ibn Mansur. Kitab yang berada di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ini telah dicetak sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 1962 dan 1991 di Rabat, Maghribi. Maklumat berkaitan dengan buku ini telah ditulis secara ringkas oleh *pentahqiq* pada mukadimah cetakan kedua ini. Kitab ini mempunyai 98 halaman bercetak dan membincangkan biografi dan sistem pentadbiran sultan-sultan Banu Marin dari zaman awal penubuhan hingga kejatuhan. Selain itu, kitab ini juga mengandungi maklumat berkaitan dengan nasab keturunan Banu Marin dan kabilah Zanatah yang merupakan sebahagian daripada puak Barbar (Ibn al-Ahmar 1991: 16-20). Kitab ini juga memaparkan maklumat tentang perihal ketua-ketua Banu Marin sebelum era 'Abd al-Haqq ibn Mahyu (m.1217M) seperti Hamamat ibn Mahmud, Abu Bakr ibn Hamamat dan Mahyu ibn Abi Bakr (Ibn al-Ahmar, 1991: 21-23).

Kitab ini juga membincangkan tentang pemerintahan sultan-sultan Banu Marin mengikut kronologi bermula dari 'Abd al-Haqq ibn Mahyu hingga 'Uthman III (1398-1420M). Antara maklumat berkaitan dengan sultan-sultan Banu Marin ialah seperti nama penuh, gelaran, sifat, keluarga, sejarah pelantikan sebagai sultan dan nama pegawai-pegawai yang berkhidmat ketika tempoh sultan tersebut memerintah. Misalnya, ketika pemerintahan Abu al-Hasan 'Ali (1331-1351M), pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat ketika itu seperti 'Amir ibn Fath Allah al-Sidratani dan Musa ibn Ibrahim al-Yarniyani sebagai *wazir*, 'Abd al-Wahid ibn Nasih yang berkhidmat sebagai *hajib*, 'Abd al-Muhaymin ibn Muhammad al-Hadrami dan Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Abi Madyan

sebagai *katib* dan Muhammad ‘Ali ibn al-Malili sebagai *qadi* (Ibn al-Ahmar 1991: 35-36). Perkara sedemikian turut dibincangkan apabila menceritakan era pemerintahan sultan Banu Marin yang lain.

Selain itu, kitab ini juga mengandungi sejarah pemerintahan Banu Zayyan atau dikenali sebagai Banu ‘Abd al-Wad yang berpusat di Tilimsan. Kitab ini juga menyentuh perkara-perkara yang sama seperti mana penulisan dan maklumat berkaitan sultan Banu Marin. Antara tokoh Banu Zayyan yang dibincangkan dalam buku ini ialah seperti Yaghmarasan ibn Zayyan ‘Abd al-Wadi (Ibn al-Ahmar 1991: 55-60). Kitab ini juga mempunyai senarai kandungan berdasarkan tajuk bab, nama-nama tokoh mengikut huruf *hija’iyyah* dan nama tempat.

***Ibn Abi Zar’, ‘Ali ibn Abi Zar’ al-Fasi (1972),
al-Dhakhirah al-Saniyyah fi Tarikh al-Dawlah al-Mariniyyah***

Kitab ini merupakan rujukan berbentuk *masdar* (sumber primer) yang membincangkan sejarah dan peristiwa dalam Kerajaan Banu Marin bermula dari kemunculannya sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Abu Yusuf Ya‘qub (1258-1286M). Kitab ini ditulis oleh ‘Ali ibn Abi Zar’ al-Fasi dan diterbitkan semula pada tahun 1972 di Rabat. Kitab ini mempunyai kira-kira 207 halaman dan kini tersimpan di Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Terdapat beberapa maklumat yang boleh diperoleh pada pengenalan kitab ini. Nama kitab dan penulis dicatatkan secara ringkas dalam pengenalan tersebut. Maklumat lain juga menyatakan tidak terdapat kitab atau naskhah lain yang membincangkan peristiwa yang berlaku ketika era Marini melainkan kitab *Rawdat al-Nisrin fi Dawlat Bani Marin*. Selain itu, pengenalan kitab ini juga menyatakan pengarang kitab ini, iaitu ‘Ali ibn Abi Zar’ ada menulis kitab lain berkaitan sejarah al-Maghrib yang bertajuk *al-Anis al-Mutrib bi Rawd al-Qirtas fi Akhbar muluk al-Maghrib wa Tarikh Madinat Fas* (Ibn Abi Zar’, 1972: 5). Kitab ini telah diterbitkan oleh Dar al-Mansur daripada dua naskhah yang berlainan. Naskhah pertama diperoleh daripada cetakan yang diterbitkan oleh Dr. Muhammad ibn Abi Shanab, manakala naskhah kedua pula diperoleh daripada simpanan al-Marhum Hasan Husayni ‘Abd al-Wahhab yang kemudiannya diserahkan kepada al-Maktabah al-Qawmiyyah al-Tunisiyyah selepas kematiannya (Ibn Abi Zar’, 1972: 6).

Kitab ini turut memuatkan mukadimah penulis kitab ini sendiri. Dalam mukadimah tersebut, penulis secara ringkas membahagikan kitab ini kepada 10 bab, iaitu (Ibn Abi Zar’ 1972: 11-12),

1. Bab 1: Sejarah Banu Marin, termasuk kabilah, keturunan, asal-usul dan peristiwa pada awal kemunculan.
2. Bab 2: Kisah pemimpin Banu Marin yang pertama, iaitu ‘Abd al-Haqq ibn Mahyu.
3. Bab 3: Kisah Banu Marin di bawah pimpinan Uthman (I) ibn ‘Abd al-Haqq.
4. Bab 4: Kisah Banu Marin di bawah pimpinan Muhammad ibn ‘Abd al-Haqq.
5. Bab 5: Kisah Banu Marin di bawah pimpinan Abu Yahya ibn ‘Abd al-Haqq.
6. Bab 6: Kisah Banu Marin di bawah pimpinan Ya‘qub ibn ‘Abd al-Haqq.
7. Bab 7: Kisah Banu Marin di bawah pimpinan Yusuf ibn Ya‘qub.
8. Bab 8: Kisah Banu Marin di bawah pimpinan ‘Amir ibn ‘Abd Allah ibn Yusuf.
9. Bab 9: Kisah Banu Marin di bawah pimpinan Sulayman ibn ‘Abd Allah ibn Yusuf.
10. Bab 10: Kisah Banu Marin di bawah pimpinan ‘Uthman (II) ibn Ya‘qub.

Namun demikian, kajian ini mendapati hanya terdapat enam bab sahaja yang dibincangkan dalam kitab ini. Kajian ini juga belum dapat memastikan sama ada kitab ini diterbitkan dalam dua jilid atau sebaliknya. Sekiranya kitab ini diterbitkan dalam dua jilid yang berlainan, berkemungkinan jilid pertama mengandungi bab pertama hingga keenam,

manakala jilid kedua pula mengandungi bab ketujuh hingga kesepuluh. Walau bagaimanapun, kitab ini banyak memberikan maklumat penting kepada bidang penyelidikan dan pengkajian mengenai sejarah Banu Marin. Bentuk penulisannya yang berdasarkan kronologi dan mencatatkan tahun peristiwa telah memudahkan para pengkaji untuk mengenal pasti peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam tahun-tahun tertentu. Seperti kitab berbahasa Arab yang lain, kitab ini juga mengandungi indeks pada bahagian belakang yang merangkumi isi kandungan, indeks nama, kabilah dan tempat.

Ibn Abi Zar', 'Ali ibn Abi Zar' al-Fasi (t.th.), al-Anis al-Mutrib bi Rawd al-Qirtas fi Akhbar Muluk al-Maghrib wa Tarikh Madinat Fas

Kitab ini membincangkan sejarah kemunculan dan perkembangan kerajaan-kerajaan Islam di al-Maghrib, yang pernah menguasai Kota Fas seperti Kerajaan al-Idrisiyah, al-Murabitun, al-Muwahhidun dan Banu Marin. Perbincangan tentang Kerajaan Banu Marin telah dikupas dan disentuh dari era kemunculan hingga zaman pemerintahan Sultan Abu Sa'id 'Uthman (1310-1331M). Isu yang diberi tumpuan dalam kitab ini ialah sejarah politik dan perkembangan pentadbiran kerajaan di al-Maghrib. Sumber ini turut diklasifikasikan sebagai sumber primer yang membincangkan perkembangan pemerintahan Kerajaan Banu Marin memandangkan Ibn Abi Zar' merupakan sejarawan al-Maghrib yang hidup ketika era Marini.

Meskipun perbincangan kitab ini ditulis mengikut kronologi, namun judul bagi setiap fasal telah diungkapkan kepada beberapa bentuk. Kedapatan sebahagian judul fasal yang memaparkan tahun tertentu dan kedapatan pula fasal yang menonjolkan nama sultan. Malah terdapat fasal yang merakamkan peristiwa penting, yang berlaku dalam satu-satu masa. Justeru, metode penulisan dan perbincangan kitab ini tidak dikategorikan mengikut tahun sebagaimana kitab *al-Kamil fi al-Tarikh* karya Ibn al-Athir dan *al-Bidayah wa al-Nihayah* karya Ibn Kathir. Malah, gaya penulisan kitab ini boleh disamakan dengan gaya Ibn Khaldun melalui *Tarikh Ibn Khaldun* dan dituruti oleh penulis kemudian seperti al-Salawi dalam *Kitab al-Istiqla*.

Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad (1968), Tarikh Ibn Khaldun

Nama penuh kitab ini ialah *Kitab al-'Ibar wa Diwan a-Mubtada' wa al-Khabar fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar*, tulisan 'Abd al-Rahman b . Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn al-Hasan ibn Muhammad ibn Jabir ibn Muhammad ibn Ibrahim ibn 'Abd al-Rahman ibn Khaldun (1332-1406M) atau lebih dikenali sebagai Ibn Khaldun (Ibn Khaldun 1968: 795). Kitab ini disifatkan sebagai rujukan terpenting dalam penyelidikan berkaitan sejarah dan tamadun Islam di al-Maghrib, termasuk hal-ehwal pemerintahan berkaitan Kerajaan Banu Marin. Ini disebabkan terdapat banyak fakta dan maklumat dalam kitab ini yang berkaitan dengan sejarah perkembangan kerajaan-kerajaan Islam di al-Maghrib. Kitab ini turut memiliki banyak jilid dan diterbitkan dalam pelbagai versi. Pendahuluan kitab ini yang sering diguna pakai oleh ramai sarjana Islam dan Barat, iaitu *al-Muqaddimah*, turut menjadi bahan bacaan penting dalam pengajian sejarah dan tamadun Islam. Malah, kitab *al-Muqaddimah* telah diterjemahkan ke beberapa bahasa dunia, termasuk bahasa Melayu (Malaysia).

Kajian ini mendapati sejarah berkaitan Banu Marin telah dicatatkan dalam kitab ini menerusi jilid ketujuh, yang mengandungi fakta berkaitan asal-usul Banu Marin, iaitu golongan Barbar Zanatah. Selain itu, Ibn Khaldun turut merekodkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di kawasan al-Maghrib ketika hayatnya, terutama peristiwa berkaitan politik dan pemerintahan yang muncul ketika itu. Ini jelas kelihatan apabila bab-bab dalam jilid ini dibahagikan mengikut peristiwa yang berlaku pada zaman sultan-sultan tertentu.

Misalnya, catatan peristiwa kedatangan Sultan ‘Abu al-Hasan ‘Ali ke Tunis pada tahun 1347M (Ibn Khaldun, 1968: 247-8).

Kitab ini juga tidak sekadar memuatkan maklumat berkaitan Banu Marin sahaja, malah ia turut menceritakan pelbagai kisah dan peristiwa yang menyentuh kerajaan Islam lain yang sezaman dengannya seperti Banu Hafs dan Banu Zayyan di al-Maghrib serta Banu al-Ahmar (atau Banu Nasr) di Granada. Namun demikian, pembahagian bab dalam kitab ini tidak disusun dan diklasifikasikan menurut peristiwa yang berlaku dalam sesuatu kerajaan. Pada peringkat awal, sukar untuk memperoleh maklumat berkaitan Banu Marin dalam buku ini disebabkan metode penulisannya yang tidak mengelaskan bab mengikut kerajaan tertentu tetapi mengikut kronologi peristiwa yang berlaku bersandarkan sultan-sultan yang memerintah. Walau bagaimanapun, penulis tidak menafikan kitab ini memberi banyak maklumat berkaitan sejarah dan tamadun Islam di al-Maghrib. Malah, Ibn Khaldun sendiri yang pernah hidup pada zaman pemerintahan Banu Marin berkuasa di al-Maghrib telah menjadikan kitab *Tarikh Ibn Khaldun* sebagai sumber primer penting dan autentik dalam memahami keadaan politik dan sosial di al-Maghrib pada abad ke-13 dan 14M. Selain itu, kitab ini juga mengandungi profil Ibn Khaldun dan bab tentang dirinya sendiri yang dinamakan sebagai *al-Ta’rif bi Ibn Khaldun Mu’allif al-Kitab wa Rihlatuhu Sharqan wa Gharban* (Ibn Khaldun, 1968: 795).

***al-Salawi, Ahmad ibn Khalid al-Nasiri (1954),
Kitab al-Istiqa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa***

Sumber primer ini membincangkan tentang sejarah perkembangan kerajaan-kerajaan Islam yang pernah memerintah kawasan *al-Maghrib al-Aqsa*, termasuk Kerajaan Banu Marin. Kitab tulisan Shaykh Abu al-‘Abbas Ahmad ibn Khalid al-Nasiri, yang juga dikenali sebagai al-Salawi, ini mengandungi sebanyak sembilan jilid. Namun demikian, hanya dua jilid sahaja yang menyentuh dan membincangkan Kerajaan Banu Marin secara langsung, iaitu jilid ketiga dan keempat. Sumber ini diperoleh dari Perpustakaan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur.

Kitab ini ditulis mengikut kronologi bermula dari sejarah awal kemunculan Banu Marin hingga kejatuhan yang menyebabkan golongan Banu Wattas dan Sa’diyun mengambil alih kepimpinan *al-Maghrib al-Aqsa*. Kitab ini juga amat menarik untuk dibaca kerana babnya disusun berdasarkan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada era Marini. Jilid ketiga membincangkan peristiwa yang bermula dari sejarah kemunculan Banu Marin hingga kewafatan Sultan Abu ‘Inan Faris ibn ‘Ali (1351-1358M). Manakala fokus perbincangan dalam jilid keempat pula berkaitan peristiwa yang berlaku dari era pemerintahan Sultan Abu Bakr ibn Faris (1358M) hingga zaman kejatuhan Banu Marin. Dengan itu, kajian ini dapat mengkonklusikan bahawa jilid ketiga membincangkan peristiwa yang berlaku ketika era pembentukan, peneguhan dan kegemilangan Kerajaan Banu Marin, manakala jilid keempat pula menyentuh peristiwa yang berlaku ketika kerajaan tersebut mulai lemah dan merosot. Kitab ini amat penting bagi para pengkaji untuk menilai dan meneliti faktor-faktor kegemilangan dan kemerosotan Banu Marin. Ini memandangkan setiap peristiwa yang berlaku ketika itu mempengaruhi kestabilan Kerajaan Banu Marin dan sekali gus menjadi faktor survival kerajaan tersebut itu sendiri di *al-Maghrib al-Aqsa*.

***Ibn al-Khatib, Muhammad ibn ‘Abd Allah (1980),
al-Lamhah al-Badriyyah fi al-Dawlah al-Nasriyyah***

Sumber primer ini telah ditulis oleh *wazir* Kerajaan Nasriyyah, iaitu Muhammad ibn ‘Abd Allah ibn Sa’id ibn ‘Ali ibn Ahmad al-Salmani, atau dikenali sebagai *Lisan al-Din Ibn al-Khatib*. Beliau dilahirkan di Loja pada 25 Rejab 712H dan pernah berkhidmat sebagai *wazir* dan *katib* Kerajaan Nasriyyah (Ibn al-Khatib 1980: 5). Beliau turut dikenali sebagai sejarawan al-Andalus disebabkan kebanyakannya penulisannya membincangkan tentang sejarah al-Andalus, khusus semasa zaman Kerajaan Nasriyyah. Antara kitab sejarah al-Andalus yang dihasilkan beliau ialah seperti *al-Lamhah al-Badriyyah fi al-Dawlah al-Nasriyyah*.

Perbincangan dalam kitab ini lebih menfokuskan pada perjalanan politik Kerajaan Nasriyyah bermula dari zaman pemerintahan Sultan Abu ‘Abd Allah Muhammad ibn Yusuf hingga zaman Sultan Muhammad ibn Yusuf ibn Isma’il. Beliau turut memuatkan senarai pegawai kerajaan seperti *katib*, *wazir* dan *qadi*, yang pernah berkhidmat dengan Kerajaan Nasriyyah dalam tempoh tersebut. Selain itu, kitab ini turut menyentuh hubungan antarabangsa Kerajaan Nasriyyah dengan kerajaan-kerajaan luar yang sezaman dengannya seperti Kerajaan Banu Marin, Banu Zayyan, Banu Hafs dan Castille. Misalnya, Ibn al-Khatib menyatakan bahawa Sultan Abu al-Hasan ‘Ali al-Marini merupakan pemerintah di wilayah *al-Maghrib al-Aqsa* ketika Sultan Abu al-Hajjaj Yusuf menjadi pemerintah Kerajaan Nasriyyah (Ibn al-Khatib, 1980: 105). Walaupun sumber ini memberi tumpuan khusus pada Kerajaan Nasriyyah, sebaiknya sumber ini tidak diketepikan dalam membincangkan tentang Kerajaan Banu Marin. Sumber ini amat penting dan relevan untuk dirujuk bagi mengenal pasti dan meneliti hubungan luar di antara al-Maghrib dan al-Andalus pada zaman itu, di samping ia turut memuatkan senarai para pemerintah Kerajaan Banu Marin.

***Ibn al-Khatib, Muhammad ibn ‘Abd Allah (2003),
Kunasat al-Dukkan Ba’d Intiqal al-Sukkan***

Kitab Ibn al-Khatib, sejawan-*wazir* tersohor Granada, yang telah ditahqiq oleh Muhammad Kamal Shabanah ini membincangkan hubungan politik antara Kerajaan Nasriyyah di Granada dan Kerajaan Banu Marin di Fas. Kitab ini menghimpunkan surat-surat pemerintah kedua-dua kerajaan, iaitu Sultan Abu al-Hajjaj Yusuf (Nasriyyah) dan Sultan Abu ‘Inan Faris (Banu Marin). Kebanyakan isi kandungan surat-surat tersebut adalah berkaitan dengan ucapan tahniah, ucapan selamat, permohonan bantuan ketenteraan dan hasrat untuk memperkuuh hubungan antara dua kerajaan (Ibn al-Khatib, 2003: 229-32).

Pada awal perbahasan kitab ini, terdapat maklumat berkaitan dengan Kerajaan Nasriyyah dan penglibatan Banu Marin di al-Andalus ketika pemerintahan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali seperti peranan yang dimainkan oleh pihak Banu Marin dalam *Battle of Rio Salado* (Ibn al-Khatib 2003: 13-31). Maklumat ini yang dikemukakan oleh Shabanah boleh disifatkan sebagai paparan awal tentang hubungan Fas dan Granada. Surat-surat rasmi daripada kedua-dua kerajaan yang dimuatkan oleh Ibn al-Khatib turut menjadi bukti kewujudan hubungan diplomatik tersebut.

Gaya bahasa yang digunakan dalam surat-surat antara kedua-dua pemerintah begitu indah dan penuh dengan pujian antara satu sama lain. Lazimnya, gaya bahasa sedemikian sering digunakan dalam surat-surat rasmi kerajaan. Bahkan, gaya bahasa tersebut turut digunakan dan ditulis *katib* yang berwibawa dan berpengetahuan tentang kepentingan hubungan diplomatik. Selain itu, kitab ini turut menyenaraikan peristiwa perjanjian damai dan perang ketika pemerintahan Sultan Yusuf *al-Awwal* bermula dari tahun 1333 hingga 1354M (Ibn al-Khatib, 2003: 210-20).

al-Maqqari, Ahmad ibn Muhammad (1988), *Nafh al-Tib min Ghusn al-Andalus al-Ratib wa Dhikr Wazirih Lisan al-Din Ibn al-Khatib*

Kitab ini diterbitkan pada tahun 1988 oleh Dar Sadir, Bayrut dan ditahqiq oleh Ihsan 'Abbas. Kitab karangan al-Maqqari ini merupakan antara sumber muktabar yang membincangkan sejarah al-Andalus, khususnya ketika era Nasri. Ini disebabkan karya tersebut turut menfokuskan perbincangan kepada seorang *wazir* Kerajaan Nasriyyah, iaitu Lisan al-Din Ibn al-Khatib, di samping turut menjelaskan tentang sejarah dan kesusateraan Islam di al-Andalus. Kandungan bab sejarah yang terdapat dalam kitab ini menerangkan tentang geografi di al-Andalus, penaklukan Islam di al-Andalus, sejarah kerajaan Banu Umayyah dan era *Muluk al-Tawa'if* (Mahayudin, 1987, 3:757).

al-Maqqari menjelaskan bahawa penulisan kitab ini merupakan permintaan daripada al-Shahini di Dimashq. al-Maqqari telah memperluaskan skop perbincangan dalam karangannya merangkumi al-Andalus, sastera dan sejarah, seterusnya menukar tajuk kitab tersebut kepada *Nafh al-Tib min Ghusn al-Andalus al-Ratib wa Dhikr Wazirih Lisan al-Din Ibn al-Khatib*. Al-Maqqari telah mengadaptasi dalam bukunya dengan merujuk sumber-sumber sebelumnya yang terhad seperti *al-Maghrib* oleh Ibn Sa'id. Beliau telah menyelesaikan penulisan kitab tersebut pada hari Ahad, 27 Ramadan 1038H, iaitu semasa beliau berada di Kaherah.

Kitab yang mempunyai lapan jilid ini turut membincangkan tentang Kerajaan Banu Marin. Antara isu Banu Marin yang dibincang dalam kitab ini ialah kemunculan Banu Marin di al-Maghrib dan penglibatan mereka dalam menentang tentera Kristian di al-Andalus (al-Maqqari, 1988, 4:385-6). Selain itu, al-Maqqari turut menceritakan hubungan luar Kerajaan Banu Marin apabila memuatkan surat daripada Sultan Abu al-Hasan 'Ali kepada Sultan al-Malik al-Salih, pemerintah Kerajaan Mamluk.

Sumber Sekunder Terpilih

Sumber-sumber sekunder berkaitan kajian Banu Marin diperoleh dalam dua bahasa, iaitu bahasa Arab dan Inggeris. Malah, sumber-sumber sekunder ini turut menggunakan sumber-sumber primer dalam kupasan di atas sebagai rujukan dalam penulisan. Antara sumber sekunder yang diperoleh ialah sebagimana kupasan berikut,

**al-Hariri, Muhammad 'Isa (1987),
*Tarikh al-Maghrib al-Islami wa al-Andalus fi al-'Asr al-Marini***

Kitab tulisan Muhammad 'Isa al-Hariri, pensyarah Sejarah dan Tamadun Islam di Fakulti Sastera, Universiti al-Mansurah ini berasal daripada satu penulisan tesis yang berjudul, *The Political Life and the Aspects of Civilization in the Dynasty of Bani Marin at al-Maghreb* (al-Hariri, 1987: 422). Buku ini disifatkan sebagai sumber sekunder yang membincangkan isu Banu Marin dengan skop yang lebih luas, termasuk politik, ekonomi dan sosial. Karya ini tidak seperti karya-karya muktabar lain yang lebih memfokuskan perbincangan pada hal-hal politik dan pentadbiran Banu Marin. Walaupun buku ini juga masih menekankan aspek politik dalam penulisan, pengarang buku ini turut memasukkan aspek lain, iaitu ekonomi dan sosial sebagai bukti dan kayu ukur terhadap perkembangan dan pencapaian tamadun Marini. Kitab ini mengandungi enam bab utama, iaitu: (1) Kemunculan Banu Marin; (2) Pengukuhan kerajaan dan perluasan wilayah; (3) Pengaruh *al-wizarah* dan kejatuhan Banu Marin; (4) Hubungan luar Kerajaan Banu Marin; (5) Sistem pentadbiran dan pencapaian ekonomi Banu Marin; dan (6) Sistem sosial dan kegiatan intelektual Banu Marin (al-Hariri, 1987: 421-422).

Bab pertama memfokuskan pada kemunculan Banu Marin dalam iklim politik di *al-Maghrib al-Aqsa* pada tahun 1215M. Topik yang dibincangkan dalam bab pertama ini antaranya ialah seperti nasab dan asal keturunan Banu Marin, sejarah kemunculan dan penubuhan Banu Marin di al-Maghrib al-Aqsa yang menggantikan kuasa al-Muwahhidun serta pengaruh Banu Marin di al-Andalus. Bab kedua pula membincangkan tentang pengukuhan Kerajaan Banu Marin dan perluasan wilayah yang dilakukan oleh pemerintahnya. Selain itu, bab ini juga mengandungi topik berkaitan zaman kegemilangan Kerajaan Banu Marin ketika era pemerintahan Sultan Abu al-Hasan al-Marini dan anaknya, Sultan Abu Inan Faris al-Marini. Sementara itu, bab ketiga buku ini memfokuskan pada pengaruh *al-wizarah* dalam pentadbiran Banu Marin, di samping membincangkan peranan *wazimya* yang berpengaruh seperti al-Hasan ibn ‘Umar al-Fawdudi dan Ibn Marzuq al-Khatib. Bab ini turut mengutarakan perbahasan mengenai faktor-faktor kemerosotan Kerajaan Banu Marin sehingga membawa kepada kejatuhan pada tahun 1465M (al-Hariri, 1967: 422).

Perbincangan diteruskan dengan bab keempat yang memberi tumpuan terhadap hubungan antarabangsa Kerajaan Banu Marin, antaranya hubungan dengan Kerajaan Mamluk di Mesir, hubungan dengan kerajaan Islam lain di Afrika Utara seperti Banu Zayyan dan Banu Hafs serta hubungan dengan kerajaan di al-Andalus, iaitu Kerajaan Nasriyyah di Granada dan kerajaan-kerajaan Kristian. Manakala bab kelima kitab ini memberi tumpuan terhadap sistem pentadbiran dan ekonomi Banu Marin. Antara topik yang dibincangkan ialah seperti penubuhan jabatan-jabatan kerajaan di peringkat wilayah dan daerah serta sumber ekonomi Banu Marin seperti perindustrian, pertanian dan perdagangan. Sementara ini, bab keenam pula membincangkan aspek sosial seperti sistem masyarakat, kesenian dan seni bina, di samping membincangkan kegiatan intelektual pada zaman Marini seperti kegiatan kesusasteraan, amalan tasawuf dan mazhab serta perkembangan pelbagai ilmu seperti ilmu agama dan dunia (al-Hariri, 1987: 421).

Harakat, Ibrahim (1984), *al-Maghrib ‘Abr al-Tarikh*

Buku yang ditulis oleh Ibrahim Harakat ini disifatkan sebagai sumber sekunder yang mengandungi fakta dan maklumat berkaitan kerajaan-kerajaan yang pernah menguasai wilayah al-Maghrib. Buku ini diterbitkan di Dar al-Bayda’ (Casablanca) pada tahun 1984 dan mempunyai dua jilid. Jilid pertama membincangkan kerajaan-kerajaan yang wujud di al-Maghrib, bermula dari zaman sebelum Islam hingga zaman pemerintahan al-Muwahhidun. Antara kerajaan tersebut ialah Rom, Byzantine, Umawiyyah, ‘Abbasiyah, Fatimiyyah, Aghlabiyah, Idrisiyyah, al-Murabitun dan al-Muwahhidun. Manakala jilid kedua pula membincangkan kerajaan-kerajaan yang wujud selepas kejatuhan al-Muwahhidun seperti Banu Marin, Banu Wattas dan al-Sa’diyyun.

Buku ini membahaskan secara tuntas tentang sejarah kemunculan, penubuhan dan kemerosotan Banu Marin (Harakat, 1984: 8-24). Selain itu, kitab ini juga mengandungi maklumat berkaitan peristiwa yang berlaku berdasarkan zaman sultan-sultan yang memerintah. Pengarang buku ini telah membahagikan zaman Marini kepada dua, iaitu zaman pengukuhan dan kegemilangan serta zaman kelemahan dan kemerosotan. Zaman pengukuhan dan kegemilangan Banu Marin menurut pandangan pengarang buku ini bermula dari zaman pemerintahan Sultan Abu Ya‘qub Yusuf hingga zaman pemerintahan Sultan Abu ‘Inan Faris (Harakat, 1984: 25-47). Demikian pula, zaman kelemahan dan kemerosotan bermula selepas kematian Sultan Abu ‘Inan Faris, iaitu era pemerintahan Sultan Abu Bakr al-Sa‘id hingga zaman pemerintahan sultan terakhir, Sultan ‘Abd al-Haqq Abu Sa‘id al-Marini (Harakat, 1984: 48-64).

Sementelah itu, buku ini turut mengupas pencapaian Banu Marin dalam tiga aspek pembentukan dan pengukuhan sesbuah kerajaan, iaitu politik, sosial dan

ekonomi. Dalam aspek politik, buku ini mengupas sistem pentadbiran Marini seperti nama penjawatan dan hubungan luar kerajaan. Antara jawatan perkhidmatan kerajaan yang wujud ketika itu ialah seperti *Ra'is al-Dawlah*, *Wali al-'Ahd*, *al-Hujjab* (kata jamak *al-Hajib*), *al-Wuzara'* (kata jamak *al-Wazir*), *al-Kuttab* (kata jamak *al-Katib*), *al-Qudat* (kata jamak *al-Qadi*), *al-'Ummal* (kata jamak *al-'Amil*), *al-Jaysh* dan *Nizam al-Mal* (Harakat 1984: 195-202). Dalam aspek sosial, buku ini mengupas beberapa unsur penting dalam pemantapan sistem sosial seperti kegiatan masyarakat, kegiatan intelektual, kegiatan agama dan seni bina bangunan. Perbincangan mengenai kegiatan masyarakat mencakupi penduduk, pakaian, perayaan, nyanyian dan makanan. Perbincangan tentang kegiatan intelektual tertumpu pada perkembangan pelbagai ilmu seperti kesusasteraan, *fiqh*, Hadith, ilmu bahasa, sejarah, geografi dan *rihlah* (pengembaraan), perubatan dan muzik. Perbincangan kegiatan beragama ialah umpama perkembangan amalan tasawuf dan anutan agama lain seperti Yahudi dan Kristian. Berkennaan seni bina bangunan, fokus perbincangan terarah kepada pembinaan bandar-bandar baru, masjid, sekolah dan *al-zawaya*. Manakala kupasan berkaitan aspek ekonomi hanya menyentuh pada kegiatan ekonomi Banu Marin seperti perdagangan dan perindustrian.

Konklusinya, buku ini merupakan karya yang menarik untuk dijadikan rujukan berkaitan dengan sejarah perkembangan kerajaan-kerajaan di al-Maghrib, termasuk Kerajaan Banu Marin. Penyusunan susur-galur kemunculan kerajaan adalah mengikut kronologi, manakala pembahagian bab pula adalah berdasarkan aspek-aspek politik, sosial dan ekonomi, yang memudahkan pembaca untuk memahami maklumat berkaitan sejarah al-Maghrib.

Shaqrūn, Muhammad ibn Ahmad (1985), *Mazahir al-Thaqafah al-Maghribiyyah: Dirasat fi al-Adab al-Maghrib fi al-'Asr al-Marini*

Buku ini ditulis oleh Muhammad ibn Ahmad ibn Shaqrūn dan diterbitkan pada tahun 1985 di Dar al-Bayda', Maghribi. Perbincangan buku ini lebih memfokuskan pada perkembangan intelektual era pemerintahan Banu Marin, terutama dalam bidang kesusasteraan Arab.

Buku ini dibahagikan kepada empat bab. Bab pertama mengupas berkaitan keadaan al-Maghrib ketika zaman pemerintahan Banu Marin. Antara topik yang dibincangkan ialah seperti keadaan politik, sosial dan kegiatan beragama ketika zaman tersebut (Shaqrūn, 1985: 16-59). Bab kedua pula membincangkan tokoh-tokoh sastera al-Maghrib, antaranya seperti Abu al-'Abbas al-Qubab, Ibn Battutah, Ibn Rashiq, Ibn Dawud al-Salwi dan Ibn 'Abd al-Malik al-Marrakushi. Selain itu, pengarang turut membincangkan tiga tokoh terkenal era Marini dalam bab ini, iaitu Ibn al-Khatib, Ibn Khaldun dan Ibn Marzuq (Shaqrūn, 1985: 112-129).

Perbincangan bab ketiga pula lebih tertumpu pada perkembangan kesusasteraan di al-Maghrib era Marini, termasuk perkembangan dan kemajuan kesusasteraan dan kesenian, kedudukan syair dan prosa serta perkembangan catatan pengembaraan (al-rihlah) (Shaqrūn, 1985: 131-190). Manakala bab keempat membincangkan kegiatan intelektual yang berkembang pesat ketika era Marini seperti perkembangan ilmu agama, bahasa Arab, falsafah, matematik dan juga perubatan (Shaqrūn, 1985: 191-228). Perbahasan dalam buku ini jelas menunjukkan ia perlu dijadikan sebagai rujukan sekunder dalam pengkajian dan penyelidikan tentang pemerintahan Banu Marin. Kupasannya berkaitan dengan perkembangan intelektual, terutama bidang kesusasteraan era Marini, menjadi fakta dan maklumat bernilai dalam meneliti kemajuan dan kegemilangan yang dikecapi Kerajaan Banu Marin.

Ahmad, Mustafa Abu Dayf (1983), *Athar al-Qaba' il al-'Arabiyyah fi al-Hayat al-Maghribiyah Khilal 'Asray al-Muwahhidin wa Bani Marin*

Buku ini ditulis oleh Mustafa Abu Dayf Ahmad dan diterbitkan di Dar al-Bayda' pada tahun 1983. Kupasan buku ini menjurus kepada pengaruh kabilah-kabilah Arab dan kesannya terhadap perkembangan politik, ekonomi dan sosial di al-Maghrib. Penghijrahan kabilah-kabilah Arab ke al-Maghrib telah merubah suasana sosiopolitik dan ekonomi masyarakat al-Maghrib. Masyarakat asal al-Maghrib, iaitu kaum Barbar juga, telah banyak menerima pengaruh daripada kabilah-kabilah Arab, termasuk dalam aspek anutan agama, bahasa dan kebudayaan. Malah, kabilah-kabilah Arab turut berperanan penting dalam memastikan kestabilan dan kejatuhan sesebuah pemerintahan Islam di al-Maghrib.

Buku ini mengandungi tiga bab utama dan dipecahkan kepada beberapa fasal. Bab pertama memfokuskan pada sejarah kemunculan kabilah-kabilah Arab di al-Maghrib sebelum zaman al-Muwahhidun. Bab kedua pula membincangkan peranan dan pengaruh kabilah Arab dalam sistem politik era al-Muwahhidun, Banu Hafs, Banu Zayyan dan Banu Marin. Perbincangan ini menumpukan pada peranan dalam pembentukan, pengukuhan, kestabilan dan kejatuhan kerajaan-kerajaan Islam di al-Maghrib (Ahmad, 1983: 378).

Sementara itu, bab ketiga mengupas kesan dan pengaruh kabilah-kabilah Arab terhadap keadaan dan suasana al-Maghrib. Antara kesan yang dipaparkan ialah seperti kecenderungan pengamalan tasawuf dan gerakan *islah* di al-Maghrib, pengaruh Arab seperti bahasa dan kebudayaan ke atas masyarakat asal al-Maghrib, iaitu kaum Barbar serta kesan dan pengaruh ke atas sistem pentadbiran, ketenteraan dan ekonomi al-Maghrib (Ahmad 1983: 379-380). Buku ini disifatkan sebagai sumber sekunder dan berjaya memberi maklumat dan fakta yang khusus berkaitan peranan kabilah-kabilah Arab di al-Maghrib pada zaman al-Muwahhidun dan Banu Marin.

Salim, Sahr 'Abd al-'Aziz (1996), *Madinat al-Rabat fi al-Tarikh al-Islam mundhu Insha'iha hatta Nihayat 'Asr Bani Marin*

Buku ini dihasilkan oleh Sahr 'Abd al-'Aziz Salim, seorang pensyarah Sejarah dan Tamadun Islam di Fakulti Sastera, Universiti Iskandariyyah dan diterbitkan pada tahun 1996 di Iskandariyyah, Mesir. Buku dikategorikan sebagai sumber sekunder yang membincangkan perkembangan dan pertumbuhan sebuah bandar di Maghribi, iaitu al-Rabat, ketika zaman pemerintahan al-Muwahhidun dan Banu Marin. Buku ini lebih memberi tumpuan terhadap kupasan tentang bandar al-Rabat ketika pemerintahan sultan-sultan tertentu dan pembinaan bangunan-bangunan seperti istana dan masjid di bandar tersebut. Lantaran daripada itu, buku ini boleh dianggap sebagai sumber rujukan penting berkaitan aktiviti seni bina yang berlaku pada era Marini.

Mukadimah buku ini menjelaskan bahawa karya ini mula ditulis setelah pengarang pergi ke Rabat pada tahun 1994, setelah beliau menerima jemputan menyertai satu persidangan dari Universiti Muhammad V. Pengarang buku ini mendapat tidak banyak sumber atau karya yang menceritakan tentang kota Rabat melainkan dua buah sahaja, iaitu *Tarikh Rabat al-Fath* tulisan 'Abd Allah al-Siwaysi dan tulisan oleh seorang orientalis Perancis bernama Caille yang diterbitkan pada tahun 1945M (Salim, 1996: 1).

Buku ini dibahagikan kepada tiga bab utama yang mengandungi beberapa fasal berkaitan kota Rabat. Bab pertama mengupas tentang sejarah perkembangan politik dan pentadbiran kota Rabat ketika zaman al-Muwahhidun dan Banu Marin. Bab kedua pula mengupas berkaitan perkembangan tamadun kota Rabat yang mencakupi ekonomi, kesenian dan seni bina bangunan pada zaman al-Muwahhidun dan Banu Marin. Bab ini juga mengandungi beberapa maklumat dan fakta berkaitan bangunan-bangunan yang dibina pada era tersebut. Manakala bab ketiga pula membuat perbandingan antara kota Rabat dan Iskandariyyah dari sudut pembangunan fizikal dan pencapaian tamadun.

al-Sa'ih, al-Hasan (1986), *al-Hadarah al-Islamiyyah fi al-Maghrib*

Buku yang diterbitkan pada tahun 1986 di Dar al-Bayda', Maghribi dan membahaskan perkembangan dan pencapaian tamadun di al-Maghrib bermula dari zaman sebelum Islam hingga zaman Kerajaan 'Alawiyun. Pencapaian tamadun zaman Marini turut dibincangkan memandangkan latar belakang geografi kerajaan tersebut pernah bertapak di kawasan al-Maghrib.

Buku ini memfokuskan pada pencapaian dan perkembangan tamadun pada zaman kerajaan-kerajaan yang pernah wujud di al-Maghrib seperti al-Murabitun, al-Muwahhidun, al-Sa'diyun dan Banu Marin. Bentuk maklumat dan fakta ditulis mengikut kronologi dan dibahagikan kepada beberapa fasil. Justeru, fakta-fakta yang disusun dalam kitab ini memberikan maklumat berguna dalam penyelidikan berkaitan perkembangan dan pencapaian tamadun di al-Maghrib.

Isu-isu pencapaian tamadun Banu Marin turut dibincangkan dalam buku ini seperti kebudayaan dan kesenian Islam pada zaman Banu Marin, kegiatan intelektual, seni muzik dan kegiatan ekonomi masyarakat pada zaman tersebut. Isu-isu pencapaian lain turut dikupas, termasuk seni bina, kaum wanita, sistem ketenteraan, perhubungan dan percukaian. Selain itu, pencapaian tamadun Banu Marin dikupas berdasarkan aspek sosial dengan membincangkan aspek toleransi beragama dalam kalangan masyarakat Banu Marin dan kewujudan kabilah-kabilah di al-Maghrib pada era Marini.

**Salim, al-Sayyid 'Abd al-'Aziz & al-'Abbadi, Ahmad Mukhtar (1969),
*Tarikh al-Bahriyyah al-Islamiyyah fi al-Maghrib wa al-Andalus***

Buku yang ditulis oleh pensyarah-pensyarah Sejarah dan Tamadun Islam di Universiti Bayrut, Lubnan dan diterbitkan pada tahun 1969. Fokus kajian dan perbincangan buku ini tertumpu pada sejarah perkembangan sistem ketenteraan laut di al-Maghrib dan al-Andalus dan ia mengandungi dua bab utama. Bab pertama membincangkan sejarah ketenteraan laut Islam di al-Maghrib dan al-Andalus pada lima kurun pertama Hijrah. Bab ini mengupas perkembangan ketenteraan laut Islam bermula dari zaman 'Uthman ibn 'Affan (RA) hingga kurun ke-5H. Bab ini turut mengandungi maklumat berkaitan pembukaan wilayah melalui ketenteraan laut seperti Iqritash, Saqaliyyah dan kepulauan di Laut Mediterranean. Bab ini turut membincangkan secara khusus perkembangan ketenteraan laut Islam di al-Andalus pada zaman pemerintahan 'Abd al-Rahman al-Nasir (Salim & al-'Abbadi, 1969: 411-2).

Bab kedua buku ini pula membincangkan perkembangan ketenteraan laut Islam di al-Maghrib dan al-Andalus zaman pemerintahan al-Murabitun hingga kejatuhan Kerajaan Nasriyyah di Granada. Bab ini mengandungi kupasan mengenai ketenteraan laut ketika era al-Murabitun, al-Muwahhidun dan Nasriyyah. Bab ini turut mengupas perkembangan ketenteraan laut di al-Maghrib ketika pemerintahan Banu Marin (Salim & al-'Abbadi, 1969: 412). Perkembangan ketenteraan laut Banu Marin semakin pesat pada zaman Sultan Abu al-Hasan 'Ali. Malah, tentera laut Banu Marin pada era tersebut dianggap sebagai armada laut terkuat dalam sejarah Banu Marin sehingga berjaya menggugat kekuatan ketenteraan laut Kerajaan Aragon di Semenanjung Iberia (Salim & al-'Abbadi, 1969: 292).

Buku ini mengupas sejarah perkembangan ketenteraan laut Islam di al-Maghrib dan al-Andalus dengan begitu menarik. Penulisannya, yang dilakukan secara kronologi, menceritakan sejarah ketenteraan bermula dari zaman awal Islam hingga kejatuhan Kerajaan Nasriyyah di Granada. Buku ini turut mengandungi maklumat berkaitan ketenteraan laut Banu Marin dan ini sekaligus dapat memberikan gambaran sebenar tentang perkembangan sistem ketenteraan Banu Marin pada abad pertengahan.

Pennell, C.R. (2003), *Morocco From Empire to Independence*

Buku yang ditulis oleh C.R. Pennell ini diterbitkan pada tahun 2003 di Oxford, England dan ia secara langsung mengupas sejarah al-Maghrib dari zaman sebelum Islam hingga zaman mencapai kemerdekaan pada tahun 1956. Buku ini mengandungi sembilan bab yang dibahagikan mengikut zaman pemerintahan di al-Maghrib. Justeru, catatan dan maklumat dalam buku ini lebih memfokuskan pada isu sejarah politik. Walau bagaimanapun, kupasan aspek lain seperti ekonomi, sosial, ketenteraan juga turut dilihat secara ringkas sebagai gambaran umum terhadap keadaan semasa bagi sesebuah pemerintahan di al-Maghrib.

Perbincangan berkaitan Banu Marin diletakkan dalam bab keempat buku ini, iaitu 'Tribal Morocco'. Ia menceritakan kedudukan Banu Marin yang berasal daripada golongan Zanatah, iaitu sebahagian daripada puak Barbar. Isu Banu Marin yang dikupas dalam bab tersebut bermula dengan sejarah kemunculan dan perkembangan Banu Marin dalam iklim politik di al-Maghrib. Selain itu, bab ini turut mengupas peranan Kerajaan Banu Marin yang memperluaskan pengaruhnya di kawasan al-Maghrib dan al-Andalus. Isu lain yang turut dikupas ialah pembinaan kota Fas dan saat-saat kemerosotan Banu Marin sehingga membawa kepada kejatuhan mereka pada tahun 1465M (Pennell, 2003: 60-71).

Buku ini juga mengandungi ulasan kepustakaan yang menarik kerana perbincangannya dibahagi dan disusun berdasarkan isu dalam sesuatu bahan. Bahan-bahan yang dikupas terdiri daripada pelbagai sumber dan bahasa, yang mencakupi buku dan jurnal. Ulasan kepustakaan sudah tentu dapat membantu dalam pencarian rujukan-rujukan berkaitan al-Maghrib, terutamanya perbincangan mengenai pemerintahan dan pencapaian Banu Marin.

Abun-Nasr, Jamil M. (1975), *A History of the Maghrib*

Buku ini ditulis oleh Jamil M. Abun-Nasr, seorang pakar dalam bidang sejarah di University of Ibadan, dan diterbitkan oleh Cambridge University Press. Buku telah diterbitkan sebanyak dua edisi, iaitu pada tahun 1971 dan 1975 serta telah diulang cetak pada tahun 1977, 1978 dan 1980. *Journal of Developing Areas* telah menyifatkan buku ini sebagai sebuah bahan yang unik dan satu-satunya buku dalam bahasa Inggeris, yang membicarakan sejarah al-Maghrib dari zaman pra-sejarah hingga zaman kemerdekaan. Jurnal tersebut juga memuji gaya penulisan buku ini yang menghimpunkan pelbagai sumber sejarah al-Maghrib yang kompleks dalam sebuah buku. Buku ini turut disifatkan sebagai satu dimensi baru dalam penulisan sejarah al-Maghrib.

Buku ini mengandungi sepuluh bab, bermula dari pengenalan awal tentang al-Maghrib dan diikuti pula dengan sejarah kerajaan-kerajaan yang wujud sebelum Islam dan selepas penerimaan Islam sehingga zaman moden (era menuju kemerdekaan). Justeru, isu yang diberi fokus dan tumpuan dalam buku ini ialah berkaitan dengan perkembangan politik sesebuah kerajaan di al-Maghrib. Isu berkaitan perkembangan politik Banu Marin turut disentuh dalam bab keenam, yang membincangkan kerajaan-kerajaan yang wujud di al-Maghrib selepas kejatuhan Kerajaan al-Muwahhidun seperti Banu Zayyan, Banu Hafs dan Banu Marin.

Perkembangan sistem politik Banu Marin dijadikan fokus perbincangan dalam buku ini. Pengarang buku ini memulakan perbincangan dengan sejarah kemunculan Banu Marin dalam politik di al-Maghrib dan usaha-usaha mereka dalam menumbangkan Kerajaan al-Muwahhidun yang berpusat di Marrakesh. Selain itu, usaha pemantapan dan perluasan pengaruh turut dikupas mengikut kronologi peristiwa. Malah, perjalanan politik Banu Marin seperti pelantikan atau pertukaran sultan, hubungan diplomatik dengan kuasa luar dan permasalahan politik dalam turut diceritakan. Perbincangan berkaitan Banu

Marin diakhiri dengan perbincangan berkaitan masalah-masalah yang timbul sehingga membawa kepada kejatuhan kerajaan itu sendiri.

Abun-Nasr, Jamil M. (1987), *A History of the Maghrib in the Islamic Period*

Buku ini ditulis oleh Jamil M. Abun Nasr selepas penerbitan bukunya sebelum ini, iaitu *A History of the Maghrib*. Buku diterbitkan pada tahun 1987 dan dicetak semula sebanyak dua kali pada tahun 1990 dan 1993. Ia membincangkan sejarah al-Maghrib ketika di bawah pemerintahan kuasa Islam dan mengandungi lapan bab yang mengupas dan membincangkan sejarah al-Maghrib bermula dari zaman *futuhat Islamiyyah* di al-Maghrib hingga zaman pra-kemerdekaan. Perbahasan utama buku ini adalah sama dengan buku *A History of the Maghrib*. Akan tetapi kupasan berkaitan al-Maghrib ketika zaman sebelum Islam tidak dibincangkan dalam buku ini memandangkan fokusnya lebih tertumpu pada zaman kekuasaan Islam di al-Maghrib.

Isu berkaitan Banu Marin diletakkan dalam bab tiga, di bawah tajuk ‘*The Maghreb under Berber Dynasties*’, bersama kerajaan-kerajaan lain iaitu al-Murabitun, al-Muwahhidun, Banu Zayyan dan Banu Hafs. Perbahasan berkaitan Banu Marin bermula dengan asal-usul Banu Marin daripada golongan Barbar Zanatah dan sejarah kemunculannya dalam politik al-Maghrib ketika zaman kemerosotan al-Muwahhidun. Perbincangan bab ini turut menyentuh penglibatan Banu Marin dalam menghapuskan kekuasaan al-Muwahhidun setelah menawan Marrakesh pada tahun 1269M. Selanjutnya, bab ini turut mengupas pelbagai isu sejarah Marini berdasarkan peristiwa yang berlaku pada zaman sultan-sultan yang memerintah, misalnya seperti peristiwa Perang *Rio of Salado* pada tahun 1340M yang berlaku ketika era pemerintahan Sultan Abu al-Hasan ‘Ali. Penulisan buku ini, yang mengikuti kronologi, mengandungi banyak fakta yang penting dalam mengkaji peristiwa yang berlaku ketika Banu Marin berkuasa di al-Maghrib.

Shatzmiller, M. (2000), *The Berbers and the Islamic State: The Marinid Experience in Pre-Protectorate Morocco*

Buku ini membincangkan tentang peranan dan sumbangan Banu Marin dalam membentuk sebuah kerajaan Islam-Barbar yang utuh dan kuat di al-Maghrib. Peranan tersebut dapat dilihat apabila Banu Marin memanfaatkan kedudukannya dengan menjadikan wilayah al-Maghrib al-Aqsa sebagai laluan perdagangan yang penting di kawasan Mediteranean, antara Eropah dan Afrika Tengah (Sub-Sahara). Selain itu, buku ini turut membincangkan peranan Banu Marin dalam memperluaskan kuasa dan pengaruh di seluruh al-Maghrib dan al-Andalus dengan tujuan untuk menjelaki langkah yang pernah dilakukan oleh al-Murabitun dan al-Muwahhidun sebelum itu (Shatzmiller, 2000: xiii). Hal ini disebabkan pemerintah Banu Marin beranggapan bahawa mereka mewarisi kepimpinan Barbar-Islam di wilayah al-Maghrib daripada al-Murabitun dan al-Muwahhidun. Justeru, langkah al-Murabitun dan al-Muwahhidun dalam memperluaskan pengaruh ke seluruh al-Maghrib dan al-Andalus dilakukan setelah Banu Marin menerajui kepimpinan.

Pada permulaan buku ini, Shatzmiller membincangkan tentang asal-usul dan perihal Barbar berdasarkan beberapa sumber sejarah seperti *Tarikh Ibn Khaldun* (Shatzmiller, 2000: 3-27). Perkara ini penting dibincangkan pada permulaan buku kerana Banu Marin berasal daripada keturunan Barbar Zanatah. Setelah itu, Shatzmiller membincangkan lebih lanjut peranan dan sumbangan Banu Marin dalam membina kekuatan politiknya di al-Maghrib. Antara sumbangan yang dibahaskan oleh Shatzmiller ialah pembangunan intelektual di al-Maghrib. Kerajaan Banu Marin dianggap sebagai pemerintah yang amat menitik beratkan kegiatan intelektual. Perkara ini dapat dilihat

kepada perkembangan pelbagai madrasah dan *zawiyah* yang muncul di al-Maghrib. Malah, terdapat ramai tokoh ilmuwan yang muncul di al-Maghrib ketika era Marini seperti Ibn Marzuq, Abu Ja'far al-Mazdaghi dan Ibn Abi Zar' (Shatzmiller, 2000: 88-9). Sumbangan pemerintah Banu Marin yang turut dipapar dan dibincang secara terperinci oleh Shatzmiller ialah sistem cukai dan *waqf* diraja (Royal *waqf*).

Le Tourneau, R. (1961), *Fez in the Age of the Marinides*

Buku ini telah diterjemahkan daripada bahasa Perancis oleh Besse Alberta Clement dan diterbitkan oleh University of Oklahoma Press pada tahun 1961. Buku ini membincangkan tentang Kota Fas dan peranannya ketika zaman pemerintahan Banu Marin. Setelah Kerajaan al-Muwahhidun tumbang pada tahun 1269M, Banu Marin telah menjadikan Fas sebagai ibu kota yang baru di wilayah al-Maghrib, menggantikan Marrakesh. Kerajaan Banu Marin amat menitik beratkan pembangunan di Fas dan membina Fas al-Jadid sebagai langkah membesar dan memajukan Kota Fas. Ketika era Marini, Fas berperanan sebagai pusat pentadbiran, intelektual, ekonomi, kegiatan masyarakat, ketenteraan dan keagamaan. Malah, peranan tersebut menjadikan Fas sebagai sebuah kota Islam yang penting di kawasan sebelah barat selain Kaherah dan Granada (Le Tourneau, 1961: ix).

Sepanjang tempoh pemerintahan Banu Marin di al-Maghrib, Fas kekal menjadi pusat pentadbiran sehingga al-Sa'diyun menjadikan semula Marrakesh sebagai pusat pentadbiran setelah mengambil alih tampuk kepimpinan di al-Maghrib. Namun, Fas kekal menjadi kota yang kedua penting ketika itu. Segala pencapaian dan pembangunan yang dicapai oleh Fas membuktikan Kerajaan Banu Marin turut menyumbang kepada pembangunan politik, sosial, ekonomi dan intelektual di wilayah al-Maghrib. Data-data yang dikemukakan oleh Le Tourneau disifatkan sebagai fakta pencapaian tamadun ketika pemerintahan Banu Marin. Walaupun, pusat pentadbiran di al-Maghrib ke tempat lain selepas era Marini, seperti di Marrakesh pada zaman pemerintahan al-Sa'diyun dan Meknes ketika pemerintahan al-'Alawiyyun, Fas tetap berfungsi sebagai kota kedua kepada pusat pentadbiran tersebut (Le Tourneau, 1961: 148).

Kepentingan kota Fas dilihat kepada peranan sebagai pusat kegiatan intelektual disebabkan kedapatan pelbagai madrasah dan pusat pengajian ketika era Marini. Selain itu, peranan kota Fas sebagai pusat pentadbiran kerajaan di al-Maghrib, termasuk Kerajaan Banu Marin, turut disifatkan antara faktor utama kepada nilai kepentingan kota Fas kepada masyarakat di al-Maghrib walaupun Kerajaan Banu Marin jatuh pada tahun 1465M (Le Tournaeu, 1961: 119).

Kennedy, H. (1996), *Muslim Spain and Portugal: A Political History of al-Andalus*

Buku ini membincangkan sejarah Islam di al-Andalus bermula dari awal pembukaan al-Andalus oleh Musa ibn Nusayr dan Tariq ibn Ziyad hingga zaman kejatuhan Kerajaan Nasriyyah pada tahun 1492M. Perbincangan dalam buku ini mengikut kronologi dan menyentuh isu-isu politik umat Islam seperti era Imarah, Khilafah, Muluk al-Tawa'if, al-Murabitun, al-Muwahhidun dan Nasriyyah.

Kennedy turut melibatkan Banu Marin dalam perbincangan sejarah Islam di al-Andalus. Hal ini disebabkan Kerajaan Banu Marin turut sama terlibat dalam hal-ehwal politik di al-Andalus semasa zaman Kerajaan Nasriyyah. Banyak penglibatan Banu Marin, khususnya dalam aktiviti ketenteraan di al-Andalus, diutarakan oleh Kennedy secara ringkas. Usaha jihad yang dilakukan oleh tentera Banu Marin didorong oleh ancaman Reconquest oleh kuasa Kristian dan permohonan bantuan ketenteraan daripada pemerintah Nasriyyah, Sultan Muhammad *al-Faqih*. Penglibatan Banu Marin di wilayah al-Andalus bermula pada tahun 1275M dan berakhir pada tahun 1340M setelah mengalami

kekalahannya dahsyat dalam Battle of Rio Salado. Kennedy menyatakan kekalahan Banu Marin dalam perang tersebut telah menyebabkan ekspedisi ketenteraan Banu Marin ke al-Andalus berakhir sekaligus pengaruh Banu Marin di al-Andalus semakin merudum (Kennedy, 1996: 288).

Kennedy turut memaparkan peranan kerabat Banu Marin, iaitu Banu Abi al-'Ula, sebagai ketua tentera Banu Marin di al-Andalus. Jawatan ketua tentera tersebut turut dikenali sebagai *shaykh al-ghuzat*. Lazimnya, *shaykh al-ghuzat* memimpin tentera Banu Marin membantu tentera Nasriyyah menentang pihak musuh. Walaupun jawatan tersebut disifatkan membantu gerakan ketenteraan Islam ketika itu, namun Kerajaan Nasriyyah sentiasa berwaspada dengan peranan *shaykh al-ghuzat* kerana jawatan tersebut dilihat dapat menggugat kedudukan politik Nasriyyah di al-Andalus. Antara individu yang pernah menjawat *shaykh al-ghuzat* ialah 'Uthman ibn Abi al-'Ula (Kennedy, 1996: 283).

Garcia-Arenal, M. (1978), 'The Revolution of Fas in 869/1465 and the Death of Sultan 'Abd al-Haqq al-Marini', dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*

Makalah jurnal ini membincangkan tentang revolusi yang tercetus di Fas pada tahun 1465M, yang dicetuskan oleh golongan Banu Wattas. Revolusi ini telah menyebabkan kematian sultan Banu Marin terakhir, Sultan 'Abd al-Haqq II al-Marini dan peristiwa ini sekali gus membawa kepada lenyapnya kekuasaan Banu Marin di bumi al-Maghrib.

Penulis makalah ini mengutarakan isu kelemahan Banu Marin berdasarkan analisis beberapa sumber yang diperoleh, iaitu sumber-sumber berbahasa Arab dan juga sumber Yahudi dan Kristian. Sumber-sumber yang diperoleh banyak membincangkan keadaan sosiopolitik Banu Marin ketika era pemerintahan Sultan 'Abd al-Haqq II (1420-1465M). Keadaan pada waktu tersebut digambarkan sebagai zaman kemerosotan dipenuhi orak-arik dalam kehidupan masyarakat Banu Marin, terutama dalam sistem pentadbiran. Garcia-Arenal menegaskan bahawa Banu Wattas yang dilantik sebagai *wazir* sultan Banu Marin ada kalanya menggunakan kuasa tersebut bagi kepentingan sendiri, bahkan turut menindas masyarakat sehingga menyebabkan sering berlaku penentangan terhadap kerajaan. Tindakan Sultan 'Abd al-Haqq sendiri yang menyerahkan kuasa eksekutif sepenuhnya kepada Banu Wattas sebagai *wazir* juga menjadi sebab kepada revolusi Fas sekaligus menamatkan kekuasaan Banu Marin.

Makalah ini turut membahaskan keadaan masyarakat Yahudi di al-Maghrib pada zaman Marini. Golongan ini turut diberi tempat oleh sultan Banu Marin untuk memegang pelbagai jawatan dalam pentadbiran, termasuk jawatan *wazir*. Justeru, golongan Banu Wattas yang turut sama dalam pentadbiran Banu Marin tidak berpuas hati dan bertindak mewujudkan suatu revolusi untuk menggulingkan Sultan 'Abd al-Haqq. Kejayaan revolusi tersebut menyaksikan kekuasaan Banu Marin di al-Maghrib telah lenyap dan digantikan pula dengan pemerintahan golongan Banu Wattas.

Ancaman dari luar turut menyumbang kepada kemerosotan Banu Marin. Penawanian dan penguasaan Portugis ke atas beberapa kawasan di al-Maghrib seperti Sabtah (Ceuta), Tanjah (Tangier) dan sebahagian pantai al-Maghrib menjadi antara faktor kepada kemerosotan Banu Marin. Namun demikian, kajian ini menekankan bahawa isu kacau-bilau politik dalaman menjadi faktor penting terhadap kelemahan dan kemerosotan Banu Marin di wilayah al-Maghrib.

Robson, J.A. (1959), 'The Catalan Fleet and Moorish Sea-Power (1337-1344)', dalam *The English Historical Review*.

Makalah jurnal ini membincangkan tentang aktiviti ketenteraan laut Islam dan Kristian di Selat Gibraltar pada tahun 1337 hingga 1344M. Robson menyatakan terdapat dua buah

kuasa yang muncul dan sentiasa bersaing di Laut Mediterranean, antara Pulau Sicily hingga Selat Gibraltar. Kuasa ketenteraan laut pertama ialah kerajaan-kerajaan Kristian seperti Genoa, Castile, Portugal dan Catalan. Manakala, kuasa ketenteraan laut yang lain ialah kerajaan-kerajaan Islam, yang dipelopori oleh Kerajaan Banu Marin di al-Maghrib al-Aqsa, dan disokong oleh Kerajaan Nasriyyah (Robson, 1959, 74:386-7).

Kerajaan Banu Marin ketika itu dipimpin oleh Sultan Abu al-Hasan 'Ali. Beliau telah menggerakkan ketenteraan laut Banu Marin ke al-Andalus setelah berjaya menawan Gibraltar pada tahun 1333M dan Tilimsan pada tahun 1337M. Penguasaan Banu Marin di dua buah kota penting telah menyebabkan kerajaan Kristian di al-Andalus mempertingkatkan kekuatan ketenteraan lautnya kerana bimbang terhadap ancaman daripada Kerajaan Banu Marin. Kerajaan-kerajaan Kristian memperbanyakkan kelengkapan ketenteraan laut, pasukan armada dan kapal laut, bagi menyaingi kekuatan ketenteraan laut yang dimiliki oleh Kerajaan Banu Marin (Robson, 1959, 74:388).

Robson menyatakan bilangan kapal perang Banu Marin ketika tempoh tersebut merupakan jumlah yang paling besar, iaitu kira-kira 60 buah kapal. Kekuatan sedemikian menyebabkan angkatan tentera laut Banu Marin berjaya menewaskan angkatan tentera laut pakatan Kristian (Castile, Aragon, Portugal dan Genoa) dan menguasai Selat Gibraltar tanpa sebarang tentangan dalam tempoh tujuh bulan, iaitu dari April hingga Oktober 1340M (Robson, 1959, 74:400).

Bagaimanapun, penguasaan Banu Marin di Selat Gibraltar semakin merudum setelah kekalahan tentera Islam (Banu Marin dan Nasriyyah) di tangan tentera pakatan Kristian dalam Perang Rio Salado. Kekalahan tersebut turut menyebabkan ekspedisi tentera Banu Marin ke al-Andalus terhenti buat selamanya. Bahkan, kedudukan Banu Marin di al-Andalus semakin lemah sehingga memudahkan tentera Kristian menawan kembali Algeciras pada tahun 1344M.

JADUAL 1. Sumber Primer dan Sekunder Terpilih Kerajaan Banu Marin

Bil.	Tahun	Pengarang	Judul	Kategori
1	t.th.	Ibn Abi Zar'	<i>al-Anis al-Mutrib bi Rawd al-Qirtas fi Akhbar Muluk al-Maghrib wa Tarikh Madinat Fas</i>	Primer
2	1954	al-Salawi	<i>Kitab al-Istiqa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa</i>	Primer
3	1968	Ibn Khaldun	<i>Tarikh Ibn Khaldun</i>	Primer
4	1972	Ibn Abi Zar'	<i>al-Dhakhirah al-Saniyyah fi Tarikh al-Dawlah al-Mariniyyah</i>	Primer
5	1980	Ibn al-Khatib	<i>al-Lamhah al-Badriyyah fi al-Dawlah al-Nasriyyah</i>	Primer
6	1988	al-Maqqari	<i>Nafh al-Tib min Ghushn al-Andalus al-Ratib wa Dhikr Wazirihha Lisan al-Din Ibn al-Khatib</i>	Primer
7	1991	Ibn al-Ahmar	<i>Rawdat al-Nisrin fi Dawlat Bani Marin</i>	Primer
8	2003	Ibn al-Khatib	<i>Kunasat al-Dukkan Ba'da Intiqal al-Sukkan</i>	Primer
9	1959	Robson	'The Catalan Fleet and Moorish Sea-Power (1337-1344)', dalam <i>The English Historical Review</i>	Sekunder
10	1961	Le Tourneau	<i>Fez in the Age of the Marinides</i>	Sekunder
11	1969	Salim & al-'Abbadî	<i>Tarikh al-Bahriyyah al-Islamiyyah fi al-Maghrib wa al-Andalus</i>	Sekunder
12	1975	Abun-Nasr	<i>A History of the Maghrib</i>	Sekunder

bersambung...

...sambungan

13	1978	Garcia-Arenal	'The Revolution of Fas in 869/1465 and the Death of Sultan 'Abd al-Haqq al-Marini', dalam <i>Bulletin of the School of Oriental and African Studies</i>	Sekunder
14	1983	Ahmad	<i>Athar al-Qaba'il al-'Arabiyyah fi al-Hayat al-Maghribiyyah Khilal 'Asray al-Muwahhidin wa Bani Marin al-Maghrib 'Abr al-Tarikh Mazahir al-Thaqafah al-Maghribiyyah: Dirasat fi al-Adab al-Maghrib fi al-'Asr al-Marini</i>	Sekunder
15	1984	Harakat		Sekunder
16	1985	Shaqrun	<i>Mazahir al-Thaqafah al-Maghribiyyah: Dirasat fi al-Adab al-Maghrib fi al-'Asr al-Marini</i>	Sekunder
17	1986	al-Sa'ih	<i>al-Hadarah al-Islamiyyah fi al-Maghrib A History of the Maghrib in the Islamic Period</i>	Sekunder
18	1987	Abun-Nasr	<i>Tarikh al-Maghrib al-Islami wa al-Andalus fi al-'Asr al-Marini</i>	Sekunder
19	1987	al-Hariri	<i>Muslim Spain and Portugal: A Political History of al-Andalus</i>	Sekunder
20	1996	Kennedy	<i>Madinat al-Rabat fi al-Tarikh al-Islam mundhu Insha'iha hatta Nihayat 'Asr Bani Marin</i>	Sekunder
21	1996	Salim		Sekunder
22	2000	Shatzmiller	<i>The Berbers and the Islamic State: The Marinid Experience in Pre-Protectorate Morocco</i>	Sekunder
23	2003	Pennell	<i>Morocco From Empire to Independence</i>	Sekunder

KESIMPULAN

Terdapat banyak sumber berbahasa Arab dan Inggeris yang membincangkan secara terperinci berkaitan sejarah dan tamadun Islam di al-Maghrib, khususnya ketika zaman pemerintahan Kerajaan Banu Marin. Sumber-sumber primer lebih banyak memaparkan data-data sejarah kemunculan dan perkembangan Kerajaan Banu Marin dalam aspek politik dengan menyentuh peristiwa-peristiwa yang berlaku berdasarkan zaman sultan-sultan yang memerintah. Sumber-sumber sekunder pula mencerakinkan isu-isu berkaitan pemerintahan Banu Marin yang menyentuh pelbagai aspek seperti pencapaian dalam politik, ekonomi, sosial, kesenian, intelektual, kesusasteraan, ketenteraan dan hubungan diplomatik. Keterhadan sumber berbahasa Melayu berkaitan sejarah dan tamadun Islam di al-Maghrib, khususnya pemerintahan Banu Marin, adalah amat jelas. Sorotan dan kajian sumber-sumber di atas dapat dijadikan sebagai pemangkin kepada para penyelidik lain di Malaysia untuk mendalami sejarah dan tamadun Islam di wilayah tersebut, khususnya pada era abad pertengahan agar usaha ini menjadi satu nilai tambah terhadap pengumpulan maklumat dalam pengkajian sejarah dan tamadun Islam semasa. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan memilih beberapa sumber muktabar sebagai subjek kajian, sama ada kajian dari aspek tekstual, kontekstual, intertekstual, intratekstual mahu pun transtekstual. Kajian seumpama ini dapat dilakukan untuk menganalisis perkembangan Kerajaan Banu Marin secara tuntas, di samping melakukan kajian perbandingan antara beberapa sumber. Dengan demikian, kejituhan dan kekuatan pendapat sarjana, Islam dan Barat, ketika mengutarakan sejarah Kerajaan Banu Marin dapat dinilai dan dikaji secara analitikal. Malah pemartabatan korpus kajian berkenaan sejarah dan tamadun Islam di al-Maghrib (Kerajaan Banu Marin) dan juga al-Andalus (Kerajaan Nasriyyah) dapat dijalankan secara menyeluruh namun komprehensif dengan penguasaan pelbagai sumber primer dan sekunder yang berwewenang dan meyakinkan.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Kumpulan Penyelidikan ‘Sejarah Ketenteraan Islam’ (SAKTI), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod: GUP-2019-027 dan juga GGP-2019-013.

RUJUKAN

- Abun-Nasr, Jamil M. (1975). *A History of the Maghrib*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Abun-Nasr, Jamil M. (1993). *A History of the Maghrib in the Islamic Period*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ahmad, Mustafa Abu Dayf. (1983). *Athar al-'Arab fi Tarikh al-Maghrib khilal 'Asr al-Muwahhidin wa Bani Marin*. Dar al-Bayda': Matba'at Dar al-Nashr al-Maghribiyah.
- Ezad Azraai Jamsari. (2004). Kerajaan Nasriyyah (1238-1492M) di Granada. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 3-21.
- Ezad Azraai Jamsari. (2006). Kerajaan Nasriyyah di Granada dan Usaha Pengekalan Khilafah Islamiyyah di Andalus. *al-Shajarah: Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization*, 11(1), 53-92.
- Ezad Azraai Jamsari, Norjayah Rekain, Noorsafuan Che Noh & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. (2009). Ibn al-Khatib (713-776H/1313-1375M) Sejarawan Granada: Satu Kajian Biografi. *Prosiding Diskusi Ilmiah Sejarah dan Tamadun Islam di Afrika Utara dan Andalus*, hlm. 191-201.
- Ezad Azraai Jamsari & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. (2010). Pemikiran Politik Pemerintah Kerajaan Nasriyyah dalam Meneruskan Kelangsungan Kuasa Politik Islam di al-Andalus. *Proceedings of IKRAB International Seminar on Malaysia-West Asian Civilization and Culture*, hlm. 597-614.
- Ezad Azraai Jamsari, Adibah Sulaiman, Kamaruzaman Jusoff, Noor Inayah Yaakub, Wan Kamal Mujani, Wan Mohd. Hirwani Wan Hussain, Zinatul Ashiqin Zainol & Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari. (2011). The Legacy of the Nasrid Kingdom's (1238-1492 A.D.) Good Governance in Granada. *Middle East Journal of Scientific Research*, 7(Special Issue of Diversity of Knowledge on Middle East), 131-140.
- Garcia-Arenal, M. (1978). The Revolution of Fas in 869/1465 and the Death of Sultan 'Abd al-Haqq al-Marini. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies, University of London*, 41, 43-66.
- Hamka (Haji Abdul Malik Karim Amrullah). (1994). *Sejarah Umat Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Harakat, Ibrahim. (1984). *al-Maghrib 'Abr al-Tarikh*. Dar al-Bayda': Dar al-Rashad al-Hadithah.
- al-Hariri, Muhammad 'Isa. (1987). *Tarikh al-Maghrib al-Islam wa al-Andalus fi al-'Asr al-Marini*. Kuwayt: Dar al-Qalam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Abi Zar', 'Ali ibn Abi Zar' al-Fasi. (1972). *al-Dhakhirat al-Saniyyah fi Tarikh al-Dawlah al-Mariniyyah*. al-Rabat: Dar al-Mansur li al-Tiba'ah wa al-Waraqat.
- Ibn Abi Zar', 'Ali ibn Abi Zar' al-Fasi. (t.th.). *al-Anis al-Mutrib bi Rawd al-Qirtas fi Akhbar Muluk wa Tarikh Madinat Fas*. al-Rabat: Dar al-Mansur li al-Tiba'ah wa al-Waraqat.
- Ibn al-Ahmar, Isma'il. (1991). *Rawdat al-Nisrin fi Dawlat Bani Marin*. Tahqiq. Ibn Mansur, 'Abd al-Wahhab. al-Rabat: al-Matba'ah al-Malakiyyah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad. (1968). *Kitab al-'Ibar wa Diwan al-Mubtada' wa al-Khabar fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Lubnani.

- Ibn al-Khatib. (2002). *Kunasat al-Dukkan Ba'da Intiqal al-Sukkan*. Bursa'id: Maktabat al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Ibn al-Khatib, Lisan al-Din. (1980). *al-Lamhah al-Badriyyah fi al-Dawlah al-Nasriyyah*. Tahqiq. Lajnat Ihya' al-Turath al-'Arabi. Bayrut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Julien, C.A. (1970). *History of North Africa: From the Arab conquest to 1830*. Terj. Petrie, J. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Kennedy, H. (1996). *Muslim Spain and Portugal: A Political History of al-Andalus*. London: Addison Welsey Longman Limited.
- Le Tourneau, R. (1970). North Africa to Sixteenth Century. Dlm. Holt, P.M., Lambton, A.K.S. & Lewis, B. (pnyt.). *The Cambridge History of Islam*. Jil. 2A. Cambridge: Cambridge University Press.
- Le Tourneau, R. (1961). *Fez in the Age of the Marinides*. Terj. Clement, B.A., Norman: University of Oklahoma Press.
- Mahayudin Yahaya. (1987). *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jil. 3. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Ezad Azraai Jamsari. (2008). Banu Marin (1215-1465M): Satu Kajian Sumber. *International Seminar on Research in Islamic Studies 2008: Addressing Contemporary Challenges & Future Prospects*, Jil. 1, hlm. 239-251.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Ezad Azraai Jamsari. (2009a). Kepentingan Kestabilan Negara: Iktibar daripada Kejatuhan Kerajaan Banu Marin. *Prosiding Seminar Kebangsaan Ketamadunan Islam 2009 (NaSIC'09)*, hlm. 74-85.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Ezad Azraai Jamsari. (2009b). Peperangan dalam Sejarah Ketenteraan Banu Marin: Satu Kajian berdasarkan *Kitab Istiqsa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa* karya al-Salawi (m.1315H/1897). *Proceedings of the Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (MACASIC)*, hlm. 467-483.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Ezad Azraai Jamsari. (2009c). Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar Era Marini. *Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar*, hlm. 211-226.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Ezad Azraai Jamsari. (2010a). Kerajaan Banu Marin menurut Buku *Sejarah Umat Islam* karya HAMKA. *Prosiding Seminar Serantau Seabad Buya Hamka*, hlm. 229-237.
- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari & Ezad Azraai Jamsari. (2010b). Sistem Pentadbiran Kerajaan Banu Marin (1215-1465M): Satu Penelitian Sejarah. *Proceedings of IKRAB International Seminar on Malaysia-West Asian Civilization and Culture*, hlm. 533-557.
- Oliver, R.A. (1977). *The Cambridge History of Africa From c.1050 to c.1600*. Jil. 3. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pennell, C.R. (2003). *Morocco: From Empire to Independence*. Oxford: Oneworld Publications.
- Robson, J.A. (1959). The Catalan Fleet and Moorish Sea-power (1337-1344). *The English Historical Review* 74: 386-408.
- al-Sa'ih, al-Hassan. (1986). *al-Hadarah al-Islamiyyah fi al-Maghrib*. Dar al-Bayda': Dar al-Thaqafah.
- al-Salawi, Abu al-'Abbas Ahmad ibn Khalid al-Nasiri. (1954). *Kitab Istiqsa li Akhbar Duwal al-Maghrib al-Aqsa*. Jil. 3-4. Tahqiq. al-Nasiri, Ja'far & al-Nasiri, Muhammad. Dar al-Bayda': Dar al-Kitab.
- Salim, 'Abd al-'Aziz & al-'Abbad, Ahmad Mukhtar. (1969) *Tarikh al-Bahriyyah al-Islamiyyah fi al-Maghrib wa al-Andalus*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Shatzmiller, M. (1991). Marinids. Dlm. *The Encyclopaedia of Islam*, hlm. 571-575. Jil. 6. Leiden: E.J. Brill.

- Shatzmiller, M. (2000). *The Berbers and the Islamic State: The Marinid Experience in Pre-Protectorate Morocco*. Princeton: Markus Wiener Publishers.
- Salim, Sahr bt. 'Abd al-'Aziz. (1996). *Madinat al-Rabat fi al-Tarikh al-Islami Mundhu Insha'iha Hatta Nihayat 'Asr Bani Marin*. al-Iskandariyyah: Mu'assasat Shabab al-Jami'ah.
- Shaqrūn, Muhammad ibn Ahmad. (1985). *Mazahir al-Thaqafah al-Maghribiyyah Dirasah fi al-Adab al-Maghrib fi al-'Asr al-Marini*. Dar al-Bayda': Dar al-Thaqafah.